

KPT perlu 'ambil peduli' dekati warga kampus

Oleh [Raja Shah Erman Raja Arifin](#) - September 11, 2021 @ 10:50am

bhrencana@bh.com.my



Warga kampus perlu mendapat perhatian utama KPT. - Foto hiasan

Warga kampus daripada kakitangan hingga pelajar perlu menjadikan fokus utama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam mencapai 100 hari petunjuk prestasi seperti diberikan Perdana Menteri selepas pelantikan Jemaah Menteri.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak tahun lalu memberikan kesan langsung kepada universiti hingga pelajar terpaksa menjalani sesi pembelajaran dalam talian. Cabaran utama bukan sahaja terpaksa menampung kos berkaitan, bahkan perkhidmatan percuma yang selama ini boleh diperoleh di universiti semakin terhad.

Kakitangan institusi pengajian tinggi (IPT) juga berdepan dengan situasi hampir sama apabila terpaksa bekerja dari rumah dengan kesan penambahan kos sara hidup bagi

pembelian laptop, gajet dan data apabila perubahan mendadak tugas menggunakan pendekatan aplikasi dalam talian yang memerlukan pelaburan segera.

Kedua-dua kelompok berdepan situasi sukar ini perlu mendapat perhatian utama KPT selaras hasrat menterinya, Datuk Seri Noraini Ahmad.

Bagi memastikan fokus peka dengan keperluan semasa, bertanggungjawab dan amanah serta mengembalikan semula keyakinan rakyat dapat dicapai, kementerian disarankan kerap mendekati warga kampus dengan pendekatan 'ambil peduli.'

Hakikatnya ketika negara memerlukan Pelan Pemulihan Negara (PPN) untuk mengembalikan semula kehidupan rakyat seperti sebelum ini, KPT juga wajar mewujudkan Pelan Pemulihan COVID-19 di IPT dengan memberi fokus terus terhadap kesan dialami akibat pandemik.

Ia merangkumi usaha mengembalikan semula kehidupan kampus apabila pelajar dibenarkan memulakan atau menyambung pengajian sepenuhnya di kampus kembali, selain melaksanakan alternatif kehidupan kampus secara dalam talian bagi kes tertentu khususnya menghadapi risiko kesihatan.

Perkhidmatan kepada warga kampus perlu diberikan ke tahap optimum, penggunaan semula infrastruktur, dewan kuliah, makmal, perpustakaan, kolej kediaman dan kenderaan yang mungkin dikhuatir rosak selepas lebih setahun tidak digunakan.

KPT juga perlu mengoptimumkan sumber manusia di IPT bagi membantu kerajaan mengembalikan kehidupan komuniti menerusi pelbagai medium.

Kita akui sebelum ini kementerian kurang mempunyai data tepat dan pendekatan cekap pada peringkat akar umbi kerana pandemik memaksa kita membuat keputusan segera dalam situasi mendesak.

Namun, dengan pengalaman hampir 18 bulan dan amanah baharu kepada peneraju kementerian, pastinya pengalaman memimpin setiap fokus dapat dijadikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) baharu dalam usaha mengembalikan keyakinan rakyat.

Hakikatnya, nadi KPT terletak kepada warganya di kampus dan agensi seluruh negara. Kekuatan inilah perlu sentiasa seiring dalam mendukung Agenda Nasional diselaraskan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

Justeru, kepentingan hal ehwal pelajar, kakitangan dan aset serta jentera dimiliki ini perlu sentiasa dipelihara agar Pelan Strategik KPT dapat tercapai. Ibarat dalam sebuah rumah, ada keluarga, kemudahan dan kejiranannya, masing-masing memerlukan sokongan berterusan untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Besarlah harapan seluruh komuniti kampus, kakitangan dan pelajar untuk mendapatkan 'sentuhan dari rakyat kepada rakyat' yang mengimpikan pendekatan tangkas dan fleksibel daripada kepemimpinan KPT disokong pihak pengurusan agensi/IPT yang lebih dekat dengan komuniti ini.

Jika ia dilaksana dengan pelbagai inisiatif dan bertindak proaktif, KPT akan mencapai keberhasilan maksimum demi untuk kepentingan rakyat.

Penulis adalah Presiden Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI)